

Johor warta 15 kawasan tadahan air

» Usaha pastikan kuantiti cukup, kualiti air tidak tercemar

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

► Johor Bahru

Semua kawasan tadahan dan empangan di Johor akan diwartakan sebagai kawasan larangan dalam usaha memastikan tiada pihak mencerooh sehingga mencemar kualiti air dan menjejaskan pengguna di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Johor, Datuk Ir Hasni Mohammad, berkata tindakan mewartakan semua 15 kawasan tadahan dan empangan akan dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN), Mei ini.

Katanya, selain satu usaha memastikan kualiti air tidak tercemar, langkah terbabit menjadi keperluan bagi memastikan tidak



Ir Hasni Mohammad

berlaku masalah terutama ketika berlakunya musim kemarau.

Kerajaan negeri kata beliau, sudah buat keputusan semua kawasan tadahan akan diwartakan sebagai kawasan larangan dan proses mewartakan tempat itu khusus tadahan dan empangan milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Amal 'dual purpose'

"Walaupun empangan JPS dibina bagi tujuan tebatan banjir dan memiliki perbezaan perimeter (kawasan) berbanding empangan biasa yang menyalurkan air bersih kepada pengguna.

Kerajaan negeri mengamalkan 'dual purpose'.



Kawasan tadahan jadi tanah pertanian

► Paras air Empangan Sungai Lebam susut selepas kawasan sekitar gondol

Datuk Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

► Kiri: Yusof

Pembinaan tanah berbanding Empangan Sungai Lebam
Kawasan air berbanding Empangan Sungai Lebam
Air Terusan, Bandar
Sungai Lebam, Johor

menjelajah pembangunan
Apabila tanah, menghidupkan
kawasan berbanding Empangan Sungai Lebam

Kawasan air tadahan ini merupakan kawasan tadahan air yang penting untuk bekalan air kepada penduduk di sekitar Empangan Sungai Lebam. Kawasan ini juga merupakan kawasan pertanian yang subur. Namun, kawasan ini kini telah dijadikan kawasan pertanian. Ini adalah satu langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan penghasilan pertanian di kawasan ini. Kawasan ini juga merupakan kawasan yang penting untuk bekalan air kepada penduduk di sekitar Empangan Sungai Lebam. Kawasan ini juga merupakan kawasan pertanian yang subur. Namun, kawasan ini kini telah dijadikan kawasan pertanian. Ini adalah satu langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk meningkatkan penghasilan pertanian di kawasan ini.

rakat berikutan tempat itu satu-satunya kawasan tadahan yang membekalkan air kepada hampir 100,000 penduduk.

Buat lawatan mengejut

Susulan pendedahan itu, Hasni membuat lawatan mengejut bagi meninjau kawasan penerokaan tanah kurnia yang disalah guna untuk dijadikan tanah pertanian selain bimbang berlaku pencemaran pada air Empangan Sungai Lebam.

Dalam lawatan itu Hasni mengakui tindakan penerokaan tanah itu berisiko mencemar air empangan itu, selain melanggar syarat tanah kurnia dan berdepan dengan tindakan tanah dirampas serta didenda sehingga RM500,000.

Hasni berkata, kerajaan negeri akan membuat dan melaksanakan zon larangan baru di sekitar kawasan Empangan Sungai Lebam bagi mengelak masalah pencerobohan dan pencemaran.

"Walaupun kerajaan negeri sudah mewartakan kawasan itu sebagai larangan, namun saya lihat tidak begitu meluas dan kita (kerajaan negeri) akan semak semula dan membuat zon larangan baru untuk kawasan berkenaan," katanya.

Keratan akhbar
BH pada
11 Mac
lalu.

"Atas sebab itu semua kawasan empangan di negeri ini termasuk milik JPS akan diwartakan sebagai zon larangan dan perkara itu kini dalam tindakan kerajaan negeri," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan majlis perasmian Inter-

Varsity Engineering Leadership di Dewan Sultan Iskandar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di sini, semalam.

Sebelum ini laporan eksklusif BH pada 11 Mac lalu mendedahkan mengenai penerokaan tanah di Empangan Sungai Lebam di Kota Tinggi yang meresahkan masya-